



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGGUNAAN 'AKU' DALAM KALANGAN MASYARAKAT
LAHAD DATU, SABAH, MALAYSIA***

NOOR FADILAH BINTI DAWI

FBMK 2016 49



**PENGGUNAAN 'AKU' DALAM KALANGAN MASYARAKAT
LAHAD DATU, SABAH, MALAYSIA**

Oleh

NOOR FADILAH BINTI DAWI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat para guru yang menjadi penyuluh. Abah dan mama peniup semangat yang sentiasa mendoakan kejayaanku. Suami tercinta, ahli keluarga, sahabat seperjuangan dan semua pihak yang terlibat sama dalam pelaksanaan tesis ini.

Terima kasih.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGGUNAAN ‘AKU’ DALAM KALANGAN MASYARAKAT
LAHAD DATU, SABAH, MALAYSIA**

Oleh

NOOR FADILAH BINTI DAWI

Ogos 2016

Pengerusi : Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan ‘aku’ merupakan salah satu aspek berbahasa yang penting dalam perbualan seharian kerana penggunaan yang salah akan menggambarkan individu itu tidak santun dalam berbahasa. Penggunaan ‘aku’ dalam perbualan juga akan menimbulkan implikasi sosial sekiranya tidak digunakan mengikut kesesuaian konteks dan budaya. Hal ini kerana ‘aku’ dikaitkan penggunaannya dengan pesapa yang akrab iaitu mempunyai hubungan rapat atau setaraf sahaja dengan penyapa. Penggunaannya akan dianggap kasar jika digunakan terhadap pesapa yang perlu dihormati.

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian pengkaji, penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat di Sabah tidak hanya digunakan dalam hubungan yang akrab atau setaraf bahkan terhadap orang yang perlu dihormati termasuklah kepada ibu bapa sendiri. Oleh yang demikian, penggunaan ‘aku’ bagi masyarakat di Sabah, khususnya masyarakat Lahad Datu akan dikaji dalam tesis ini. Kajian dilakukan berdasarkan tiga objektif, iaitu untuk mengenal pasti penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu mengikut status dan usia, menganalisis penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu menggunakan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991) dan merumuskan penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

Untuk itu, kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Penggunaan Model Sistem Sapaan Mengikut Pasangan atau Diad serta Tahapnya (Amat Juhari Moain, 1989) dan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991) pula dijadikan sebagai panduan dalam proses penganalisisan data. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu bukan sahaja digunakan terhadap individu yang akrab atau setaraf dengan mereka, tetapi juga terhadap ahli dalam keluarga asas, ahli dalam keluarga lebih luas dan ahli dalam komuniti lebih luas. Penggunaan ‘aku’ dalam kalangan masyarakat Lahad Datu juga dapat dimanifestasikan penggunaannya dalam lima konteks, iaitu konteks

kesantunan, konteks kekuasaan, konteks keakraban, konteks kemesraan dan konteks kekitaan. Justeru, dapatlah dikatakan bahawa 'aku' digunakan oleh masyarakat Lahad Datu dalam perbualan seharian mereka dengan mengekalkan keunikan berbahasa dalam penggunaannya yang tersendiri.



Abstract of thesis presented to the Senate of the Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE USAGE OF THE PRONOUN 'AKU' AMONG THE PEOPLE
OF LAHAD DATU, SABAH, MALAYSIA**

By

NOOR FADILAH BINTI DAWI

August 2016

Chairman : Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The usage of pronoun 'aku' is one of the most important aspect in our daily conversation since it is an indicator on how can that person use language properly. Plus, it may lead to social implication if it doesn't match with the context and culture. The pronoun 'aku' is usually used among those who are close and among the same social class. If the pronoun is used towards an honourable person, then it will signify rudeness.

Based on observations and researches conducted, the usage of 'aku' among Sabahans is not only between close subjects, but is also used towards honored personnels including the user's parents. Therefore, the usage of pronoun 'aku' among Sabahans, specifically among the community in Lahad Datu will be further investigated in this thesis. Research was conducted based on three objectives, first, is to identify the usage of 'aku' among Lahad Datu community by classification of status and age, second, to analyse the usage of 'aku' among Lahad Datu community by using Components of Communication Saville-Troike (1991) and third, to summarize the usage of pronoun 'aku' among Lahad Datu community.

For these purposes, observations and interviews are used as methods of collecting data. Address System (Amat Juhari Moain, 1989) and Components of Communication Saville-Troike (1991) are used as guidelines in analysing the data. The results shown that the usage of the pronoun 'aku' among the community in Lahad Datu are not only used between close individuals but also among family members, relatives and in general society. The usage of 'aku' among Lahad Datu community can be manifested in five contexts, they are politeness, power, closed relation, closeness and belonging. Thus, it can be concluded that the pronoun 'aku' is used by Lahad Datu community in daily communications by maintaining the language's uniqueness in its own way.

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah yang telah mengurniakan segala nikmat dan kesejahteraan kepada hamba-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat serta keluarga baginda. Alhamdulillah dengan limpah dan rahmat kasih sayang Allah s.w.t, akhirnya tesis ini dapat disiapkan walaupun melalui proses yang agak mencabar. Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih ingin saya tujukan kepada para guru di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi terutamanya Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, selaku penyelia tesis saya yang banyak berkongsi ilmu dalam memberikan pandangan dan sentiasa memperbaiki kekurangan yang terdapat dalam tesis saya daripada semasa ke semasa. Rasa tinggi terima kasih juga saya rakamkan buat dua ahli jawatankuasa penyeliaan tesis saya yang turut sama membantu dalam proses pelaksanaan tesis ini, iaitu Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh dan Dr. Norazlina binti Hj. Mohd. Kiram. Terima kasih guruku. Budi dan jasa kalian kusanjung tinggi.

Seterusnya kepada pendorong kuat di belakang saya, iaitu, suami saya Basri bin Nurdin yang sanggup menempuh saat suka dan sukar bersama-sama sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Terima kasih buat suami yang tercinta. Setinggi-tinggi rasa terima kasih juga ingin saya tujukan buat dua insan yang sangat bermakna dalam hidup saya selama ini, iaitu kedua-dua ibu bapa saya, Dawi bin Sangkula dan Fatimah binti Anas yang tidak pernah berhenti memberikan semangat yang luar biasa agar saya terus tabah dalam meneruskan pengajian sehingga ke peringkat ini. Terima kasih abah dan mama. Tidak lupa juga setinggi rasa terima kasih buat ibu dan bapa mentua saya, Nurdin bin Sape dan Murni binti Sireh yang sentiasa memahami kehidupan saya sebagai seorang pelajar. Begitu juga dengan adik-beradik saya yang terus memberikan sokongan dan bantuan dalam menyudahkan tesis ini. Terima kasih adik-adikku, Noor Sherlyin, Norazme Fazrin, Noor Elizan, Noor Sharlisa, Noor Aien dan Noor Shalin. Akhir sekali kepada sahabat seperjuangan saya dan pihak lain yang turut terlibat sama dalam usaha menyiapkan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa kalian. Semoga ilmu yang diperoleh akan mendapat keberkatan daripada Allah s.w.t untuk dimanfaatkan bersama pada masa akan datang. Amiin ya Rabbal 'alamiin.

NOOR FADILAH BINTI DAWI
GS29953

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Ogos 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Noor Fadilah binti Dawi bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Masyarakat Lahad Datu, Sabah, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hashim bin Musa, PhD

Profesor Emeritus
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norazlina binti Hj. Mohd. Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi yang telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Noor Fadilah binti Dawi (GS29953)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh

Tandatangan : _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

Dr. Norazlina binti Hj. Mohd. Kiram

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pernyataan Masalah	8
	Objektif Kajian	9
	Kepentingan Kajian	10
	Batasan Kajian	11
	Definisi Operasional	11
2	SOROTAN LITERATUR	13
	Pengenalan	13
	Kajian Sistem Sapaan	13
	Kajian Kata Ganti Nama Diri Pertama	18
	Kajian tentang 'Aku'	19
	Kajian Masyarakat di Sabah	23
	Kajian Etnografi Komunikasi	26
	Perkaitan antara Kajian dengan Kajian Lepas	30
3	METODOLOGI	32
	Pengenalan	32
	Reka Bentuk Kajian	32
	Konsep dan Kerangka Teori	32
	Kaedah Kajian	35
	Populasi dan Pensampelan	40
	Rasional Pemilihan Sampel Kajian	40
	Instrumen Kajian	41
	Prosedur Kajian	43
	Pengumpulan Data	45
	Penganalisan Data	46
	Pertimbangan Etika	46

4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	49
	Pengenalan	49
	Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Masyarakat Lahad Datu Mengikut Status dan Usia	49
	Analisis Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Masyarakat Lahad Datu Menggunakan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991)	63
	Rumusan Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Masyarakat Lahad Datu	131
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	152
	Implikasi Dapatan Kajian	153
	Kesimpulan	155
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	157
	Pengenalan	157
	Rumusan	157
	Cadangan Kajian Selanjutnya	160
	Penutup	162
	BIBLIOGRAFI	163
	LAMPIRAN	171
	BIODATA PELAJAR	216
	SENARAI PENERBITAN	217

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Rumusan Penggunaan 'Aku' Mengikut Status	141
2	Rumusan Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia	144



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Sistem Sapaan Masyarakat Melayu	4
2	Sistem Sapaan dalam Bahasa Melayu Mengikut Pasangan atau Diad serta Tahapnya	34
3	Kerangka Kajian	48
4	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dalam Keluarga Asas Masyarakat Lahad Datu	50
5	Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia dalam Keluarga Asas Masyarakat Lahad Datu	50
6	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dan Usia dalam Keluarga Asas Masyarakat Lahad Datu	51
7	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dalam Keluarga Lebih Luas Masyarakat Lahad Datu	52
8	Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia dalam Keluarga Lebih Luas Masyarakat Lahad Datu	53
9	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dan Usia dalam Keluarga Lebih Luas	53
10	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dalam Komuniti Lebih Luas Masyarakat Lahad Datu	56
11	Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia dalam Komuniti Lebih Luas Masyarakat Lahad Datu	56
12	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status dan Usia dalam Komuniti Lebih Luas Masyarakat Lahad Datu	59
13	Penggunaan 'Aku' dalam Masyarakat Lahad Datu Mengikut Pasangan atau Diad serta Tahapnya	60
14	Penggunaan 'Aku' dalam Masyarakat Lahad Datu Mengikut Tahap	61
15	Penggunaan 'Aku' dalam Keluarga Asas, Keluarga Lebih Luas dan Komuniti Lebih Luas Masyarakat Lahad Datu	62

16	Penggunaan Bentuk Kata Ganti Nama Diri Pertama Selain daripada 'Aku'	76
17	Penggunaan 'Aku' Mengikut Status	88
18	Penggunaan 'Aku' Mengikut Usia	92
19	Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Masyarakat Lahad Datu Mengikut Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991)	130
20	Penggunaan 'Aku' oleh Penyapa yang Lebih Tinggi Statusnya kepada Pesapa yang Lebih Rendah Statusnya Mengikut Konteks	132
21	Penggunaan 'Aku' oleh Penyapa dan Pesapa yang Setaraf Mengikut Konteks	134
22	Penggunaan 'Aku' oleh Penyapa yang Lebih Rendah Statusnya kepada Pesapa yang Lebih Tinggi Statusnya Mengikut Konteks	136
23	Penggunaan 'Aku' oleh Penyapa yang Lebih Tua kepada Pesapa yang Lebih Muda Mengikut Konteks	137
24	Penggunaan 'Aku' oleh Penyapa dan Pesapa yang Sebaya Mengikut Konteks	138
25	Penggunaan 'Aku' oleh Penyapa yang Lebih Muda kepada Pesapa yang Lebih Tua Mengikut Konteks	140
26	Peraturan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Pertama	150
27	Perkaitan Teori dengan Dapatan Kajian	153

SENARAI SINGKATAN

BH	Bentuk Halus
BK	Bentuk Kasar
BP	Bentuk Panggilan
KBBI	Kamus Besar Bahasa Indonesia
KH	Kemahiran Hidup
K.I.V	Dalam Pemerhatian
K.K	Kota Kinabalu
KL	Kuala Lumpur
MPOB	Malaysian Palm Oil Board
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
NPS	<i>Non Probability Sampling</i>
PGA	Polis Gerakan Am
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
TPW	Tugas Penyempurnaan Wacana
ULBS	Ujian Lisan Berasaskan Sekolah
UMS	Universiti Malaysia Sabah

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

'Aku' merupakan kata ganti nama diri yang mempunyai perkaitan dengan aspek kebahasaan dan nilai kesantunan masyarakat Melayu. Menurut Asmah (2009:89), 'aku' merujuk kepada kata ganti nama diri pertama mufrad yang mempunyai bentuk yang utuh. Sebagai kata ganti nama diri pertama, 'aku' digunakan oleh penyapa untuk membahaskan diri sendiri terhadap pesapa (Kamus Linguistik, 1997:63). 'Aku' bersinonim dengan 'saya' dan juga kata ganti nama diri dialek yang lain seperti 'sepa', 'kami', 'kita', 'teman', 'sema', 'kema', 'den', 'kawan' dan 'ambo' (Hasan Muhammad Ali, 1989:508-510). Namun, penggunaannya mestilah mengikut konteks yang tertentu. Penggunaan 'aku' dan juga kata ganti nama diri dialek yang lain harus digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi, manakala 'saya' boleh digunakan dalam konteks perbualan rasmi dan tidak rasmi (Awang Sariyan, 2007:39).

Dalam amalan keagamaan, penggunaan 'aku' merujuk kepada bahasa pendinaan yang digunakan oleh orang Islam semasa mengerjakan solat dan memohon doa kepada Allah s.w.t (Noriah Mohamed, 1998:57). Hal ini bermaksud 'aku' bukan sahaja digunakan untuk membahaskan diri sendiri kepada pesapa, tetapi juga kepada Tuhan yang Maha Agung dan Maha Tinggi sifat-Nya. Selain itu, 'aku' juga tergolong dalam kata ganti nama diri kelainan bukan diraja dan digunakan dalam bentuk akrab atau kasar (Noriah Mohamed, 1998:49; Asmah, 2009:88). Penggunaan 'aku' adalah berbentuk akrab jika digunakan terhadap orang yang mempunyai hubungan rapat. Begitu juga dalam amalan keagamaan Islam, penggunaan 'aku' adalah berbentuk akrab kerana membayangkan kerapatan hamba dengan Penciptanya (Idris Aman, 2010:100).

Namun, penggunaan 'aku' adalah berbentuk kasar jika digunakan terhadap golongan yang perlu dihormati termasuklah terhadap ibu bapa, pesapa yang lebih tinggi statusnya dalam masyarakat dan pesapa yang lebih berusia daripada penyapa (Idris Aman, 2010:100; Teo Kok Seong, 2003:15). Hal ini menunjukkan bahawa 'aku' tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya terhadap orang yang perlu dihormati, sama ada melibatkan pesapa yang lebih berstatus atau pesapa yang lebih berusia daripada penyapa. Walau bagaimanapun, dalam kehidupan masyarakat Melayu sebenarnya terdapat penggunaan 'aku' oleh penyapa yang lebih rendah statusnya terhadap pesapa yang lebih tinggi statusnya, bahkan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua usianya.

Hal ini kerana menurut Amat Juhari Moain (1989:76), 'aku' merupakan kata ganti nama diri pertama yang asli dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, tidak hairan

jika 'aku' digunakan dengan meluas dalam kehidupan masyarakat Melayu termasuklah dalam filem Melayu dan novel Melayu. Contoh penggunaan 'aku' oleh golongan berbeza status dan usia didapati terdapat dalam filem Melayu dan novel Melayu. Misalnya seperti yang terdapat dalam filem "Ibu Mertuaku" lakonan seniman agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Penggunaan 'aku' dalam filem tersebut bukan sahaja digunakan untuk merujuk tajuk filem semata-mata, tetapi juga memperlihatkan penggunaan 'aku' oleh anak menantu terhadap ibu mentuanya dan juga oleh ibu mentua terhadap anak menantunya. Penggunaannya adalah seperti yang terdapat dalam Lampiran 1.

Berdasarkan perbualan daripada filem "Ibu Mertuaku", didapati bahawa Kassim Selamat selaku anak menantu menggunakan 'aku' sahaja untuk membahaskan dirinya sendiri terhadap ibu mentuanya, Nyonya Mansur, walaupun ibu mentuanya itu lebih berusia daripadanya dan mempunyai status lebih tinggi daripadanya, iaitu sama ada tinggi dari segi pangkat sebagai ibu mentua atau tinggi daripada kekayaan yang dimiliki. Hal ini kerana ketinggian status dalam masyarakat Melayu juga diukur daripada harta kekayaan, kerana menurut Amat Juhari Moain (1989:202), masyarakat Melayu menilai tinggi terhadap kekayaan. Penilaian itu bukan sahaja pada kekayaan dari segi budi bahasa atau kaya dari segi ilmu pengetahuan, tetapi juga kaya dari segi harta. Orang kaya dipandang tinggi kerana kekayaan itu mendatangkan kemewahan hidup dan dapat mengubah kedudukan dan status seseorang daripada yang rendah kepada yang tinggi.

Penggunaan 'aku' dalam filem "Ibu Mertuaku" menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu 'aku' digunakan oleh penyapa dan pesapa yang berbeza status dan usia, iaitu sama ada melibatkan penyapa yang lebih tinggi atau lebih rendah statusnya atau penyapa yang lebih tua atau lebih muda daripada pesapa. Penggunaan 'aku' mengikut usia pula seringkali dikaitkan dengan penyapa yang lebih muda daripada pesapa kerana seharusnya dalam perbualan antara penyapa dengan pesapa yang berbeza usia, penggunaan 'aku' seharusnya tidak digunakan oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua daripadanya, termasuklah kepada ibu bapa sendiri. Walau bagaimanapun, penggunaan ini sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat Melayu kerana menurut Asmiaty Amat (2006:29) penggunaan 'aku' tidak mustahil digunakan oleh seorang anak kepada ibu dan bapanya seperti di beberapa tempat di pedalaman Sabah.

Hal sedemikian sememangnya berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu seperti yang terdapat dalam novel yang ditulis oleh Ramlee Awang Mursyid, iaitu seorang penulis novel terkenal yang berasal daripada Sabah. Oleh sebab gaya bahasa penulis Sabah adakalanya terpengaruh dengan gaya bahasa dialek suku kaum penulis, maka agak mudah untuk menemukan penggunaan 'aku' dalam novel tersebut (Asmiaty Amat, 2004:164). Berdasarkan novel *Sunan Nanggreo Sang Kembara* yang ditulis oleh Ramlee Awang Mursyid (2014), terdapat penggunaan 'aku' oleh anak kepada ibu dan bapanya sendiri seperti yang terdapat dalam Lampiran 1.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk melihat penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya masyarakat di Lahad Datu, Sabah dalam konteks perbualan yang sebenar. Hal ini kerana dalam penulisan novel terdapat juga pengarang yang gemar menulis berkaitan dengan pengalaman hidup mereka (Asmiaty Amat, 2004:164). Justeru, penggunaan 'aku' dalam novel sebenarnya mempunyai kaitan dengan penggunaannya dalam konteks perbualan yang sebenar. Penggunaan 'aku' mengikut status dan usia dalam masyarakat Melayu juga ditonjolkan dalam novel *Seluang Melaut* yang juga ditulis oleh seorang penulis terkenal daripada Sabah, iaitu Welin Ebal (2005). Dalam novel tersebut, 'aku' sering kali digunakan dalam perbualan yang melibatkan suami dan isteri, iaitu sama ada oleh suami terhadap isterinya atau isteri terhadap suaminya. Begitu juga, oleh seorang ibu kepada anaknya dan seorang anak kepada ibunya. Penggunaannya juga adalah seperti yang terdapat dalam Lampiran 1.

Selain filem Melayu dan novel Melayu, 'aku' juga digunakan dalam drama Melayu dan juga diilhamkan dalam karya kreatif yang lain seperti dalam penulisan cerpen Melayu, puisi Melayu dan lagu Melayu. Penggunaan 'aku' dalam genre tersebut menarik jika dilihat dari segi bentuk dan fungsi penggunaannya, sama ada dalam bentuk monolog, puisi dan lagu yang mempunyai fungsi tertentu, malah dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat pada hari ini, 'aku' juga dapat dilihat penggunaannya dalam media sosial, seperti *Facebook* dan *Blog*. Contoh penggunaan turut disediakan dalam Lampiran 1.

'Aku' dalam Sistem Sapaan Masyarakat Melayu

'Aku' sebagai kata ganti nama diri pertama termasuk dalam sistem sapaan masyarakat Melayu. Sistem sapaan ini merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh sesuatu masyarakat atau bangsa untuk menyapa seseorang, sama ada dalam konteks perbualan rasmi mahupun konteks perbualan tidak rasmi (Awang Sariyan, 2007:36). Selain 'aku', penyapa dalam sistem sapaan masyarakat Melayu juga menggunakan kata ganti nama diri pertama yang lain seperti 'saya', 'beta', 'patik', 'hamba', kata ganti nama diri dialek, 'kami', 'kita' dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 1989(a):187; Hasan Muhammad Ali, 1989:508-510). Untuk menyapa pesapa, penyapa akan menggunakan kata sapaan, iaitu termasuklah kata ganti nama diri kedua seperti 'awak', 'kamu', 'engkau', 'anda', 'kalian', kata panggilan, kata panggilan keluarga/kekeluargaan dan rujukan kehormat (Amat Juhari Moain, 1985; Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2005; Media Sandra Kasih, 2000; Saidatul Nornis, 2005; Brown & Ford, 1964; Nik Safiah Karim, 1981). Contoh rajah dapat diperturunkan seperti dalam Rajah 1.

Sistem Sapaan Masyarakat Melayu

Penyapa

-Kata ganti nama diri pertama
(saya, beta, patik, aku, hamba, kata
ganti nama diri dialek, kami, kita, dsb)

Pesapa (Kata Sapaan)

-Kata ganti nama diri kedua
(awak, kamu, engkau, anda, kalian)
-Kata panggilan
-Kata panggilan keluarga/kekeluargaan
-Rujukan kehormat

Rajah 1: Sistem Sapaan Masyarakat Melayu

Sistem sapaan adalah sangat penting diketahui kerana orang yang menyapa seseorang yang lain dengan mengikut sistem yang telah terbaku dalam masyarakat dianggap sebagai orang yang berbudi bahasa, dan orang yang bersifat demikian ini diberi nilai yang tinggi dalam kebudayaan Melayu (Brown & Ford, 1964). Begitu juga dengan penggunaan 'aku' pada masa bertegur sapa dapat menentukan kedudukan seseorang dalam masyarakat. Seseorang yang membahaskan dirinya sebagai 'aku' dalam konteks perbualan rasmi sudah tentu akan dipandang sebagai seorang yang 'tidak tahu bahasa', namun sebaliknya jika digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi sudah tentu menjadi perkara yang biasa dalam masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa sistem sapaan berperanan penting sebagai penghubung langsung antara pihak penyapa dengan pihak pesapa (Awang Sariyan, 2007:36).

Berdasarkan Rajah 1, sistem sapaan dalam masyarakat Melayu dapat dibahagikan kepada penyapa dan pesapa. Dalam sesuatu perbualan, pihak penyapa akan menggunakan kata ganti nama diri pertama untuk merujuk kepada dirinya sendiri, manakala akan menggunakan kata sapaan untuk menyapa pesapa. Oleh sebab dalam sistem sapaan masyarakat Melayu terdapat hubungan antara ahli keluarga dan kaum kerabat, maka, 'aku' juga diamalkan dalam kalangan mereka, namun penggunaannya adalah berbeza mengikut tempat dan budaya. Penggunaan 'aku' terhadap golongan ibu bapa oleh seorang anak akan menampakkan ketidaksantunan terhadap orang yang perlu dihormati, tetapi penggunaan 'aku' juga akan menampakkan kesantunan selagi penggunaannya tidak melanggar adab kesantunan dan budi bahasa masyarakat tertentu seperti masyarakat di Sabah.

Selain ahli keluarga, 'aku' juga digunakan dalam kalangan rakan yang akrab. Malah bukan sahaja melibatkan perbualan dalam masyarakat biasa, bahkan juga dalam perbualan diraja dan orang besar. Contohnya dalam perbualan antara Raja Maliku'l-Mansor (Raja Samudra) kepada Sidi Ali Hisam'd-Din, Raja Kecil Siak kepada menteri dan orang besar baginda, dan Duli Yang Maha Mulia Maharaja Johor kepada Muhammad Ibrahim Munsyi (Amat Juhari Moain, 1989:63). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan 'aku' juga melibatkan kerabat diraja dan sudah digunakan

semenjak zaman dahulu lagi. Penggunaannya dapat menggambarkan wujudnya hubungan yang erat dalam masyarakat.

Begitu juga dalam sistem sapaan mengikut kedudukan dan pangkat, jika 'aku' dituturkan antara majikan dengan pekerja, penggunaannya akan menampakkan satu perbezaan lapisan sosial masyarakat. Namun begitu, 'aku' sama sekali tidak sesuai digunakan dalam konteks perbualan rasmi. Masyarakat perlu diberi pemahaman dan kesedaran bahawa 'aku' tidak sesuai digunakan dalam urusan rasmi, seperti ketika berurusan di pejabat kerajaan atau di sekolah. Mungkin ada anggota masyarakat yang tidak memahami perkara tersebut dan menggunakan 'aku' atau kata ganti nama diri pertama yang lain yang biasa digunakan dalam perbualan seharian, misalnya 'teman' bagi orang Perak, 'kawan' bagi orang Johor, 'kuwe' bagi orang Pahang, 'ambo' bagi orang Kelantan dan 'eden' atau 'ese' bagi orang Negeri Sembilan. Mereka perlu dibudayakan untuk menggunakan kata ganti nama diri pertama yang sesuai, iaitu 'saya' dalam konteks perbualan rasmi (Awang Sariyan, 2007:39-40).

Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa 'aku' dalam kalangan masyarakat Melayu digunakan dalam konteks perbualan tidak rasmi, iaitu melibatkan penyapa dan pesapa yang berbeza status dan usia seperti yang terdapat dalam filem Melayu, drama Melayu dan novel Melayu. Selain itu, penggunaannya juga meluas dalam cerpen Melayu, puisi Melayu dan lagu Melayu. Oleh itu, dalam kajian ini, penggunaan 'aku' akan diteliti dalam konteks perbualan sebenar kerana penggunaan 'aku' bukan sahaja melibatkan penggunaan berbeza status dan usia seperti yang terdapat dalam filem Melayu, drama Melayu dan novel Melayu (Lampiran 1), tetapi juga melibatkan perbualan sebenar dalam masyarakat Melayu.

Hal ini selari dengan Hasan Muhammad Ali (1989:508-509) yang mengatakan bahawa 'aku' digunakan dengan meluas hampir di setiap negeri di Malaysia, termasuklah negeri Sabah. Namun penggunaannya tidak dijelaskan mengikut konteks dan budaya masyarakat. Justeru dalam kajian ini, penggunaan 'aku' akan dikaji mengikut konteks dan budaya masyarakat kerana penggunaannya mempunyai perkaitan dengan kajian etnografi komunikasi kerana bidang tersebut berusaha untuk memerhati norma perlakuan pertuturan dalam berbagai komuniti dan berusaha mencari kaedah yang dapat digunakan untuk melihat norma itu. Hal ini bermaksud penggunaan 'aku' yang dilakukan dalam kajian etnografi komunikasi mampu mendedahkan pelbagai cara pertuturan yang terdapat di seluruh pelosok dunia dan juga mempunyai nilai praktis dalam bidang yang melibatkan komunikasi silang budaya (Saville-Troike, 1991:ix).

Etnografi Komunikasi

Enografi komunikasi ialah suatu bidang yang mengkaji bahasa dalam masyarakat (Trudgill, 1991:3; Kristen Fitch, 2001:1 dan Hilary Chappell, 2000:2). Walaupun telah ada sarjana yang mengkaji bidang etnografi sebelum Dell Hymes, khususnya antropologis Britain dan Amerika, seperti Franz Boas, Whorf, Trager, Kuickhohn,

Powell dan Alfred Kroeber yang memulakan tradisi etnografi Amerika dan tradisi Britain yang dipelopori oleh A. R Radcliffe-Brown Broniglaw Malinowski, namun hanya selepas penulisan oleh Hymes, pendekatan etnografi komunikasi ini mendapat perhatian para sarjana secara bersungguh-sungguh. Antara sarjana lain yang turut memberikan sumbangan dalam bidang ini adalah seperti Joel Sherzer, Regna Darnell, John Gumperz, Dan Slobin, Richard Bauman, Susan Philips, Ervin Tripp dan Ben Blount (Saville-Troike, 1991:2).

Hymes (1977) telah mencadangkan satu disiplin baharu tentang kajian bahasa yang memberikan tumpuan kepada keadaan pola perlakuan komunikasi sebagai salah satu daripada sistem kebudayaan. Kajian ini termasuk mengkaji peranan komunikasi dalam konteks keseluruhan kebudayaan serta hubungannya dengan pola-pola dalam sistem yang berkaitan dengan kajian bahasa. Tumpuan kajian etnografi komunikasi adalah terhadap komuniti bahasa iaitu tentang komunikasi sesuatu bangsa melalui komuniti bahasa yang disusun sebagai satu sistem dalam komunikasi.

Hymes (1972:34) juga berpendapat bahawa etnografi komunikasi dapat memberikan gambaran sebenar untuk mengkaji komuniti bahasa kerana huraian linguistik sahaja tidak memadai, tanpa diberikan huraian sosial. Komuniti bahasa biasanya akan berkongsi peraturan tingkah laku dan dapat menterjemahkan tingkah laku tersebut atau sekurang-kurangnya mempunyai satu ragam linguistik. Oleh itu, menurut Hymes (1972:35), persoalan 'bagaimana' dan 'mengapa' tidak dapat dipisahkan, malah menjadi asas kepada pemahaman terhadap bentuk linguistik. Hubungan antara linguistik dengan sosiolinguistik digambarkan dengan menarik oleh Saville-Troike (1991:11) dalam satu cerita rakyat, iaitu seperti berikut:

Suatu cerita dongeng yang terkenal telah menceritakan bagaimana tiga orang buta bercerita tentang gajah; bagi (yang memegang ekor) ia adalah seperti tali; bagi (yang meraba badannya) ia adalah terhampar dan seperti belulang; dan bagi (yang memegang belalai) ia adalah seperti hos yang panjang.

(Saville-Troike, 1991:11)

Walaupun setiap persepsi itu dirasakan tepat, namun tanggapan ini gagal memberikan gambaran yang tepat tentang keseluruhan haiwan tersebut kerana tidak adanya sudut pandang yang holistik, iaitu dari perspektif yang menyeluruh. Oleh yang demikian, penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu akan menggunakan pendekatan etnografi komunikasi untuk mendapatkan jawapan yang tepat melalui pendekatan deskriptif dan analisis dalam kajian etnografi komunikasi untuk membantu mendapatkan fahaman yang lebih mendalam tentang peranannya dalam urusan sosial (Saville-Troike, 1991:11).

‘Aku’ dalam Etnografi Komunikasi

Penggunaan ‘aku’ tidak dapat dijelaskan dengan lebih rinci tanpa melibatkan kajian etnografi komunikasi. Hal ini kerana bidang sosiolinguistik mempunyai perkaitan yang erat dengan etnografi komunikasi. Perkaitan ini terjadi kerana bidang sosiolinguistik dan bidang etnografi komunikasi kedua-duanya adalah mengkaji bahasa dan masyarakat. Sosiolinguistik mengkaji hubungan antara bahasa dengan masyarakat (Noriah Mohamed, 1998:vii; Hudson 1983), manakala etnografi komunikasi mengkaji bahasa dalam masyarakat (Trudgill, 1991:3, Kristen Fitch, 2001:1 dan Hilary Chappell, 2000:2).

Etnografi komunikasi merupakan antara bidang yang diliputi oleh sosiolinguistik. Menurut Nikolas Coupland dan Adam Jaworski (1997:1), sosiolinguistik ialah kajian tentang bahasa dalam konteks sosialnya dan kajian kehidupan sosial melalui linguistik, manakala G. E. Booji, J. G. Kerstens, H.J Verkuyl mengatakan bahawa sosiolinguistik ialah cabang linguistik yang mempelajari faktor sosial yang berperanan dalam pemakaian bahasa dalam pergaulan (Mansoer Pateda, 1987:3) dan termasuk dalam bahasa merentas budaya (Nikolas Coupland dan Adam Jaworski (1997).

Oleh yang demikian, pendekatan etnografi komunikasi sesuai digunakan dalam kajian ini kerana analisis kebudayaan serta deskripsi berkaitan penggunaan ‘aku’ dapat dilakukan. Hal ini kerana penggunaan bahasa dan cara bertutur dalam masyarakat yang berlainan mempunyai pola tersendiri yang wajar bagi suatu deskripsi etnografi, setanding serta bersilang dengan pola dalam organisasi sosial dan domain kebudayaan yang lain (Saville-Troike, 1991:1).

Etnografi komunikasi mempunyai dua fokus, iaitu kekhususan dan keitlakan. Kekhususan kajian ditumpukan kepada penghuraian dan pemahaman perlakuan komunikasi dalam latar kebudayaan tertentu, manakala keitlakan kajian ditumpukan terhadap perumusan konsep dan teori yang dapat dijadikan landasan untuk membina suatu metateori yang menyeluruh tentang komunikasi manusia (Saville-Troike, 1991:1). Hal ini sudah tentu dapat diaplikasikan penggunaannya dalam perbualan masyarakat di Sabah kerana kedua-dua fokus etnografi komunikasi saling berkait dan menyeluruh, iaitu dapat menghuraikan penggunaan ‘aku’ dalam kebudayaan masyarakat Sabah dan dapat merumuskan konsep atau teori berdasarkan penggunaannya yang mungkin tidak pernah digunakan oleh masyarakat Melayu yang lain. Melakukan kajian etnografi komunikasi terhadap penggunaan ‘aku’ juga dapat memperlihatkan hubungan bahasa dengan masyarakatnya, kerana menurut Saville-Troike (1991:5), salah satu cara untuk memahami ‘cara pertuturan’ sendiri adalah dengan membanding dan membezakan cara pertuturan kita dengan cara orang lain, satu proses yang dapat memperlihatkan bahawa banyak amalan komunikasi yang dianggap ‘natural’ atau ‘logik’ sebenarnya dari segi kebudayaan adalah bitara dan konvensional sama juga seperti kod bahasa itu sendiri. Salah satu hasil sampingan yang muncul dari proses ini ialah suatu fitur yang amat penting bagi semua kajian etnografi, iaitu satu rasa relativisme dari segi kebudayaan.

Di samping itu juga, kajian etnografi komunikasi juga menitikberatkan usaha mencari kelaziman dalam cara menggunakan bahasa (Saville-Troike, 1991:13). Justeru, kajian ini akan dapat memperlihatkan kelaziman penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat di Sabah, iaitu kepada golongan mana dengan cara bagaimana kelaziman penggunaan itu digunakan. Salah satu contoh kelaziman yang ketara iaitu penggunaan 'aku' terhadap golongan ibu bapa oleh anak-anak (Asmiaty Amat, 2006:29). Maka jika terdapat anggota masyarakat yang menggunakan kata ganti nama diri pertama selain kelaziman menggunakannya mungkin sahaja andaian awal dapat dibuat dengan mengandaikan orang tersebut berasal daripada komuniti bahasa yang lain. Begitu juga dengan kelaziman menggunakan kata ganti nama diri pertama tertentu seperti 'saya' bagi masyarakat di Semenanjung semasa anak berbual dengan ibu bapanya. Jika tiba-tiba sahaja menggunakan kata ganti nama diri pertama di luar kelaziman berbahasa seperti menggunakan 'aku' sudah tentu dianggap kurang sopan atau orang itu berasal daripada komuniti bahasa yang lain.

Penggunaan 'aku' di luar daripada kelaziman juga biasanya digunakan oleh seseorang untuk menunjukkan rasa marah. Keadaan ini boleh didapati dalam situasi seorang ibu yang sentiasa membahaskan dirinya sebagai 'ibu' kepada anaknya dengan tiba-tiba sahaja menggunakan 'aku' bagi merujuk dirinya sendiri. Hal ini terjadi kerana ibu berasa marah atau berasa kesal terhadap kelakuan anaknya sehingga menggunakan 'aku' dan tidak lagi menggunakan 'ibu' sebagai kata ganti nama diri pertamanya. Namun demikian, penggunaan 'aku' akibat dipengaruhi rasa marah atau digunakan dengan emosi bersahaja atau dengan nada lemah lembut adalah berbeza. Oleh itu, harus dibezakan kelaziman penggunaan tersebut kerana tergambar aspek kesantunan, kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan dalam penggunaannya.

Pernyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada kajian lepas yang banyak mengkaji tentang bahasa sapaan dalam masyarakat, antaranya adalah kajian oleh Amat Juhari Moain (1985, 1989), Media Sandra Kasih (2000), Norizan Che Su (2006), Marlyna Maros et al. (2010), Mohammad Syawal Narawi dan Nuraini Yusoff (2014). Kajian tentang bahasa sapaan yang dikaji melibatkan kata sapaan yang digunakan oleh penyapa untuk menyapa pesapa. Kajian lepas ternyata lebih memberat terhadap golongan pesapa sedangkan dalam sistem sapaan masyarakat Melayu golongan penyapa juga merupakan golongan yang penting dalam bertegur sapa, tetapi kajian berkaitan penggunaannya masih agak kurang ditemukan.

Nor Hashimah Jalaluddin et al., (2005:1) pernah mengatakan bahawa implikasi daripada salah guna bahasa akan menyebabkan pengguna bahasa tersebut dikategorikan sebagai 'kurang sopan' atau 'tak tahu bahasa'. Oleh yang demikian, penggunaan 'aku' perlu diberikan perhatian kerana kesalahan dalam berbahasa bukan hanya melibatkan kesalahan dalam pemilihan kata sapaan semasa menyapa pesapa, tetapi juga melibatkan penggunaan kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh penyapa. Menurut Teo Kok Seong (2003:15), penggunaan 'aku' adalah berbentuk

kasar jika digunakan oleh penyapa yang lebih rendah statusnya terhadap pesapa yang lebih tinggi statusnya dan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua. Begitu juga penggunaan 'aku' terhadap golongan ibu bapa oleh anak-anak seharusnya tidak berlaku dalam perbualan (Idris Aman, 2010:100).

Namun, amalan berbahasa ini sememangnya berlaku dalam perbualan seharian bagi masyarakat di Sabah, khususnya masyarakat di Lahad Datu. Keadaan ini bukanlah menunjukkan ketidaksantunan dalam berbahasa tetapi lebih dipengaruhi oleh faktor budaya kerana penggunaan ini ada kaitannya dengan perbezaan penggunaan bahasa mengikut budaya. Penggunaan 'aku' perlu digunakan dan difahami dengan betul melalui latar belakang kebudayaan setempat atau struktur sosial masyarakat itu kerana struktur sosial akan tercermin dalam penggunaan bahasanya (Noor Azlina, 1975). Oleh itu, penggunaan 'aku' akan dikaji berdasarkan budaya masyarakat penutur, iaitu budaya berbahasa yang terdapat dalam masyarakat Lahad Datu yang dapat dimanifestasikan melalui penggunaan 'aku' apabila digunakan oleh penutur yang mengabaikan budaya dianggap kurang santun, tetapi dalam konteks penggunaan masyarakat Lahad Datu bukan sahaja menampakkan kesantunan tetapi turut memperlihatkan unsur kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan dalam penggunaannya.

Selain faktor budaya, sifat bahasa Melayu yang rencam juga adakalanya mengelirukan pengguna bahasa (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2005:1). Dengan itu, tidak mustahil kesilapan menggunakan kata ganti nama diri pertama oleh penyapa ada kaitannya dengan ketidakseragaman penggunaannya mengikut tempat yang tertentu. Orang yang tidak mengalami pergaulan luas dengan orang dari pelbagai tempat, tentunya akan melakukan kesilapan itu walaupun daripada orang Melayu sendiri (Hasan Muhammad Ali, 1989:511). Justeru, kajian ini akan membincangkan satu keunikan berbahasa bagi masyarakat di Sabah, khususnya masyarakat di Lahad Datu, iaitu melalui penggunaan 'aku' dalam konteks perbualan seharian mereka. Keunikan berbahasa itu wujud kerana dalam setiap masyarakat di dunia ini mempunyai sistem sapaannya yang tersendiri. Penentuan kata ganti nama diri dalam sesuatu masyarakat juga lazimnya berdasarkan norma dan budaya yang didukung oleh masyarakat itu sendiri (Saidatul Nornis, 2008:77). Oleh sebab kajian etnografi komunikasi melibatkan kajian dalam masyarakat bahasa itu sendiri, maka penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat di Lahad Datu dapat disusun dan diatur sebagai satu sistem kepada peristiwa berbahasa dalam masyarakatnya sendiri. Hal ini kerana adalah menjadi satu kesilapan sekiranya terdapat ahli bahasa yang sengaja mengabaikan penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengguna bahasa tanpa mengambil kira nilai budaya dan sosial masyarakat yang dikaji (Fasold, 1991).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut, iaitu:

- i. mengenal pasti penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu mengikut status dan usia.

- ii. menganalisis penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu menggunakan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991).
- iii. merumuskan penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu.

Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada penutur asli bahasa itu sendiri, iaitu kepada masyarakat di Sabah dan juga bukan penutur asli bahasa tersebut, iaitu masyarakat di luar Sabah. Bagi penutur asli, mereka dapat berkongsi tentang penggunaan 'aku' oleh golongan penyapa terhadap golongan pesapa termasuklah penggunaan 'aku' terhadap ahli keluarga asas, keluarga yang lebih luas dan juga komuniti yang lebih luas. Dengan itu, kajian ini dapat memberikan maklumat berkaitan penggunaan 'aku' yang bukan hanya melibatkan peserta, tetapi juga merujuk penggunaan 'aku' mengikut genre, topik, fungsi/tujuan, latar, bentuk mesej, kandungan mesej, urutan perilaku, peraturan interaksi dan norma interpretasi yang terdapat dalam penggunaannya berserta kata ganti nama diri pertama yang lain yang turut digunakan oleh penyapa dalam konteks perbualan seharian mereka.

Hal ini kerana sebelum ini agak kurang penulisan berkaitan penggunaan kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Bagi bukan penutur asli yang tidak pernah mempunyai pengalaman bertutur dengan masyarakat di Sabah, khususnya masyarakat di daerah Lahad Datu pula dapat menjadikannya sebagai panduan untuk berbahasa dan bersosialisasi dengan mereka kerana pengetahuan sedia ada dalam sesebuah masyarakat bahasa sangat penting untuk menghindari sebarang kesalahfahaman semasa bertegur sapa.

Oleh itu, kajian berkaitan penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu dapat mewakili golongan penyapa kerana penggunaan 'aku' ketika bertegur sapa antara penyapa dengan pesapa juga mampu memperlihatkan pelbagai aspek penggunaannya dalam kehidupan bermasyarakat. Misalnya penggunaan tersebut mampu memperlihatkan kesantunan dalam perbualan atau ketidaksantunan dalam menggunakannya dan juga mampu memperlihatkan aspek kekuasaan, keakraban, kemesraan dan kekitaan antara pihak penyapa dengan pesapa. Justeru, kajian ini juga akan dapat mendedahkan masyarakat luar yang tidak pernah mengalami pengalaman berbual dengan masyarakat di Sabah, khususnya terhadap masyarakat di Lahad Datu.

Selain itu, kajian ini turut memberikan sumbangan terhadap penggunaan 'aku' dalam kalangan masyarakat Lahad Datu sebagai satu pendedahan agar masyarakat di Sabah tidak menggunakan 'aku' terhadap pesapa yang lebih berstatus dan lebih berusia di Semenanjung Malaysia dan juga dalam laras rasmi sama ada di Sabah atau di Semenanjung Malaysia, di samping memberikan kesedaran kepada masyarakat di Semenanjung Malaysia tentang penerimaan penggunaan 'aku' dalam budaya masyarakat Sabah dalam laras tidak rasmi dengan fungsi yang berbeza-beza.

Batasan kajian

Penggunaan 'aku' dalam kajian ini dibataskan dalam konteks perbualan seharian masyarakat di daerah Lahad Datu, Sabah sahaja. Daerah tersebut dipilih kerana berdasarkan penelitian pengkaji, 'aku' banyak digunakan oleh masyarakat yang mendiami daerah tersebut. Masyarakat Lahad Datu yang terlibat semasa proses pengumpulan data diterhadkan kepada masyarakat yang berada di lokasi pemerhatian kajian iaitu di rumah dan di luar rumah. Pemerhatian di rumah melibatkan 25 buah rumah, manakala pemerhatian di luar rumah melibatkan 11 lokasi pemerhatian iaitu, di kedai runcit mini, pejabat daerah, Dewan Perdana, klinik, hospital, kedai makan, kedai runcit, pasar, pasaraya, kebun, dan di dalam kenderaan. Selain itu, pemerhatian juga dibataskan dalam 8 majlis keramaian yang dihadiri oleh pengkaji bersama pembantu penyelidik, iaitu 5 majlis perkahwinan, 1 majlis pernikahan, 1 majlis akikah dan 1 majlis bacaan Yassin. Senarai lokasi majlis akan dinyatakan dalam bab 3.

Masyarakat Lahad Datu yang terlibat dalam proses temu bual pula hanya melibatkan etnik Dusun, Bajau dan Idahan, iaitu antara etnik terbesar yang mendiami daerah Lahad Datu. Sebanyak 15 informan sahaja terlibat dalam proses temu bual, iaitu 5 informan daripada etnik Dusun, 5 informan daripada etnik Bajau dan 5 informan daripada etnik Idahan. Kriteria pemilihan informan akan dijelaskan dalam bab 3. Sesi temu bual bersama informan dijalankan selama 6 hari, iaitu bermula pada 12 Mei 2013 sehingga 17 Mei 2013. Setiap satu sesi temu bual berlangsung antara 30 minit sehingga 60 minit, manakala data perbualan yang diperolehi melalui kaedah rakaman sampel perbualan pula diambil dalam tempoh sebulan iaitu dilakukan pada 22 Mac 2014 sehingga 22 April 2014 dan tidak diterhadkan kepada bilangan yang tertentu dengan menggunakan alat perakam audio.

Rasional tempoh yang diperlukan akan dirincikan dalam bab 3. Borang temu bual dan rakaman data perbualan akan dianalisis mengikut kesesuaian objektif kajian. Namun, hanya ujaran yang jelas daripada data perbualan sahaja yang akan ditranskrip untuk tujuan penganalisan data. Hal ini kerana semasa proses rakaman dijalankan terdapat data perbualan yang tidak jelas kerana berlakunya gangguan bunyi muzik yang kuat dalam majlis perkahwinan yang dihadiri pengkaji. Data perbualan akan dianalisis menggunakan Komponen Komunikasi Saville-Troike (1991), manakala kaedah pemerolehan data yang selanjutnya juga akan dibincangkan dalam bab 3.

Definisi Operasional

Terdapat dua istilah yang harus diberikan definisi dalam kajian ini agar penggunaannya tidak mengelirukan pengguna bahasa, iaitu 'aku' dan masyarakat Lahad Datu.

‘Aku’

‘Aku’ dalam kajian ini merujuk kepada kata ganti nama diri pertama yang digunakan oleh penyapa terhadap pesapa dalam perbualan seharian masyarakat Melayu, khususnya masyarakat Lahad Datu, iaitu melibatkan penggunaan ‘aku’ oleh penyapa untuk membahaskan dirinya sendiri sama ada terhadap Tuhan atau pesapa yang berbeza status dan usia. Penggunaan ‘aku’ terhadap pesapa yang berbeza status melibatkan penggunaan ‘aku’ oleh penyapa yang lebih tinggi statusnya terhadap pesapa yang lebih rendah statusnya, penyapa dan pesapa yang setaraf dan juga oleh penyapa yang lebih rendah statusnya terhadap pesapa yang lebih tinggi statusnya, manakala penggunaan ‘aku’ terhadap pesapa yang berbeza usia melibatkan penggunaan ‘aku’ oleh penyapa yang lebih tua terhadap pesapa yang lebih muda, penyapa dan pesapa yang sebaya dan juga oleh penyapa yang lebih muda terhadap pesapa yang lebih tua.

Masyarakat Lahad Datu

Dalam kajian ini, masyarakat Lahad Datu merujuk kepada masyarakat yang berada di daerah Lahad Datu semasa kajian ini dijalankan termasuklah masyarakat yang berasal dari Lahad Datu dan masyarakat yang berhijrah ke Lahad Datu. Masyarakat Lahad Datu dalam kajian ini juga merujuk kepada masyarakat yang berada di lokasi pemerhatian dan juga etnik yang telah melalui proses temu bual bersama pengkaji, iaitu melibatkan etnik Dusun, Bajau dan Idahan. Walau bagaimanapun, etnik lain yang tidak ditemu bual tetapi dapat diperhatikan di lokasi pemerhatian turut termasuk dalam kajian ini di samping masyarakat yang berada di dalam majlis atau kenduri yang dihadiri pengkaji. Oleh itu, masyarakat Lahad Datu dalam kajian ini meliputi masyarakat yang berada di Lahad Datu semasa proses pengumpulan data dijalankan, manakala Lahad Datu pula merujuk kepada daerah yang terletak di kawasan pantai timur Sabah dengan kedudukan latitude $5^{\circ} 1'$ Utara dan longitud $118^{\circ} 19'$ Timur pada jarak lebih kurang 500 km dari Kota Kinabalu, iaitu ibu negeri Sabah dengan keluasan dianggarkan seluas 6,635.2 km².

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rashid Daing Melebek dan Amat Juhari Moain. (2011). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah Hassan. (2008). Bahasa dan Pembinaan Tamadun Bangsa. *Syarahan Umum Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*, UKM. 18 Ogos, Bilik Senat, UKM.
- Amat Juhari Moain. (1985). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*, Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Amat Juhari Moain. (1989(a)). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (1989(b)). *Kaedah Penyapaan dalam Bahasa Melayu dengan Beberapa Contoh Khusus daripada Dialek Melayu Sarawak*. Serdang: Pusat Islam, Universiti Pertanian Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1997). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Sama Serumpun*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat. (2004). Hubungan Kaum (Suku Kaum) dalam Novel Penulis Sabah. Dlm Mohd Sarim Hj. Mustajab, *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat* (hlm.163-178). Kota Kinabalu: Penerbitan Universiti Malaysia Sabah.
- Asmiaty Amat. (2006). Kesantunan Bahasa Melayu Figuratif dan Citra Wanita. *Dewan Bahasa*, 6(8): 27-31.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bloomfield, L. (1933). *Language*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Brown C. C. (1921). *Papers on Malay Subjects: Perak Malay*. Calcutta: The Baptist Mission Press.
- Brown, Roger dan Gilman, Albert. (1960). The Pronouns of Power and Solidarity. Dlm Fishman, Joshua A. (Ed.), *Reading in the Sociology of Language* (hlm. 252-275). The Hague: Mouton and Company Printers.
- Brown, R. & Ford, M. (1964). Address in American English. Dlm Dell Hymes, *Language in Culture and Society*. New York: Harper and Row.
- Carol R. Ember dan Melvin, Ember. (1990). *Cultural Anthropology*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Cohen, L., & Manion, L. (1989). *Research Methods in Education* (3rd Ed.). London: Routledge.
- Collins, James T. (1987). *Fonologi Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coupland, Nikolas & Adam Jaworski. (1997). *Sociolinguistics: A Reader and Coursebook*. London: Macmillan.
- Datu' Bandira Datu' Alang. (2004). Suku Kaum Iranun. Dlm Mohd Sarim Hj. Mustajab, *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat* (hlm.119-138). Kota Kinabalu: Penerbitan Universiti Malaysia Sabah.
- De Saussure, Ferdinand. (1966). *Course in General Linguistics*. London: McGraw-Hill Book Company.
- Ervin-Tripp, Susan M. (1972). Sociolinguistic rules of address. Dlm John, B. P., & Janet Holmes, *Sociolinguistic* (hlm. 225-241). Harmondsworth: Penguin.
- Ervin-Tripp, Susan M. (1972). On Sociolinguistic Rules: Alternation and Cooccurrence. Dlm John J. Gumperz dan D. Hymes (Ed.), *Directions in Sociolinguistic: The Ethnography of Communication* (hlm. 213-250). New York: Holt, Rineharts Winston.
- Ervin-Tripp, Susan M. (1974). Sociolinguistics. Dlm Blount, Ben G. (Ed.), *Language, Culture and Society* (hlm. 268-334). U. S. A.: Wintrop Publisher, In.
- Faridah Nazir, Ratna Laila Shahidin dan Faiziah Shamsudin. (2014). *Kesantunan Masyarakat Malaysia*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Fasold, Ralph. (1990). *Sociolinguistics of Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Ferguson, C. A. (1971). *Language Structure and Language Use*. Stanford University Press.

- Friedrich, Paul. (1972). Social Context and Semantic Feature: The Russian Pronominal Usage. Dlm John J. Gumperz dan Hymes, Dell, (Ed.), *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (hlm. 270-300). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Gay, L. R. dan Airasian, P. (2000). *Educational Research*: Prentice-Hall Inc.
- Ghazali Lateh. (2007). *Interaksi dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Remaja*, Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Grayshon, Matthew C. (1977). *Towards a Social Grammar of Language*. The Hague: Mouton Publishers.
- Gumperz, J. J. (1972). Introduction. Dlm Gumperz, John J dan Hymes, Dell, *Direction in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rhinehart and Winston.
- Hasan Muhammad Ali. (1989). Kesalahan Pengamalan Bahasa dalam Konteks Kebudayaan dan Sosial. Dlm Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader, *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia* (hlm. 506-514). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurthi Kridalaksana. (1982). *Kamus Lingustik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hilary, Chappel. (2000). *Undergraduate Handbook 2000*. La Trobe University.
- Hudson, R. A. (1980). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hudson, R. A. (1983). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Huffman, Franklin E. (1970). *Modern Spoken Cambodian*. New Haven and London. Yale University Press.
- Hymes, Dell. (1967). Models of Interaction of Language and Social Setting. *Journal of Social Issues*, 33(2): 8-28.
- Hymes, Dell. (1971). Sociolinguistic and The Ethnography of Speaking. Dlm Edwin Ardever, *Social Anthropology and Language*. London: Tavistock.
- Hymes, Dell. (1972). On Communicative Competence. Dlm Pride J B dan Holmes, Janet. *Sociolinguistics: Selected Readings*. Harmondsworth: Penguin.
- Hymes, Dell. (1972). Models of Interaction of Language and Social Life. Dlm Gumperz, John J. and D. Hymes, Dell, *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* (hlm. 35-71). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Hymes, Dell. (1974). *Foundation in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

- Hymes, Dell. (1977). *Foundations in Sociolinguistics an Ethnographic Approach*. Great Britain: Tavistock Publications.
- Ibrahim Abd Syukur. (1994). *Panduan Penelitian Etnografi Komunikasi*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Jacob, E. (1988). Clarifying Qualitative Research: A Focus on Traditions. *Educational Researcher*, 17(1): 16-24.
- Jacob, Judith M. (1968). *Introduction to Cambodia*. England: London Oxford University Press.
- John W. Creswell. (2003). *Research Design, Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. London: Sage Publications.
- John W. Creswell. (2005). *Educational Research*. New Jersey: Prentice Hall
- Jusman Aman Setia. (2004). Penglibatan Suku Kaum Idahan dalam Aspek Sosio Ekonomi dan Pentadbiran di Lahad Datu. Dlm Mohd Sarim Hj. Mustajab, *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat* (hlm.105-117). Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Kamus Daya*. (2008). Sri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kristen, Fitch. (2001). Email. kristine_fitch@ulowa.edu.
- Leech, Geoffrey. (1983). *The Principles of Pragmatics*. New York: Longman.
- Lyons, John. (1970). *New Horizon in Linguistics*. Harmondsworth: Penguin.
- Marlyna Maros, Aslinda John, Mohd Baharim Mydin. (2010). Pola Sapaan Pelajar Lelaki Dan Perempuan Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik. *GEMA online*, 10(2): 77-96.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Martyn, Hammersley, & Paul, Atkinson (1995). *Ethnography: Principles in Practice*. London: Routledge.
- Moleong, J. Lexy. (2002). *Metode Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

- M.Dj. Nasution., Sulistiati, dan Atika S. M. (1994). *Sistem Sapaan Dialek Jakarta*. Jakarta: Pusat Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Malaysia.
- McIntire, Marina L. (1972). Terms of Address in an Academic Setting. *Anthropological Linguistics*, 14(7): 286-291.
- Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem Sapaan dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik*, Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohammad Syawal Narawi dan Nuraini Yusoff. (2014). Pengkategorian Kata Panggilan dalam Masyarakat Kelabit: Perspektif Sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18(2): 79-89.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Noor Azlina Abdullah. (1975). *Decision and Variability: The Usage of Pronouns, Terms of Address and Language from West Malaysia*, M. A Thesis, University of Lancaster.
- Norazlina Hj. Mohd. Kiram. (2010). *Konsep Malu Orang Melayu dalam Novel SAGA: Satu Kajian Sosiolinguistik*, Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1995). *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*, Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masittah Raja Ariffin, Sa'adiah Ma'alip. (2005). *Sistem Panggilan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Arifah Mohd Noor dan Halina Sendera Mohd Yakin. (2007). Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna: Satu Kajian Perbandingan dari Perspektif Leksikal dan Sosiobudaya. Dlm Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring, *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah* (hlm. 145-174). Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Noriah Mohamed. (1998). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Noriah Mohamed dan Hasnida Cheka. (2009). Jenis dan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Urak Lawoi di Pulau Lipek, Thailand. *Jurnal Bahasa*, 9(1): 75-99.
- Noriati A. Rashid. (2005). *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norizan Che Su. (2006). *Kata Sapaan Bahasa Melayu Pattani di Thailand*, Tesis Master, Universiti Putra Malaysia.
- Norwati Mohd Zain dan Hishamudin Isam. (2013). Siapa 'Aku'? Analisis Blog Wanita dan Pengkid Berasaskan Pendekatan Prosodi Semantik. *Jurnal Linguistik*, 17(2): 49-62.
- Pateda, Mansoer. (1987). *Sosiolinguistik*. Bandung: Angkasa
- Patton, Michael Quinn. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. 3 edition. London: Sage Publications.
- Prasithratsint, Amara dan Tingsbadh, Kalaya M. R. (1985). The Usage of Address Terms in Thai during the Bangkok Period. Dlm *The 18th International Conference of Sino-Tibetan Languages and Linguistics* (hlm. 1-2). Bangkok, 27-29 Ogos.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (1996). Teater Pulang: Kajian Berdasarkan Analisis Aktiviti Komunikatif dan Etnografi Pertuturan. *Dewan Bahasa*, 26(5): 594-613.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia*, Tesis Ph. D., Universiti Putra Malaysia.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. (1989). Bahasa dalam Konteks Pemakaian Kebudayaan dan Sosial. Dlm Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader, *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia* (hlm. 483-489). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ralph, Fasold. (1990). *Sociolinguistics of Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Ramlee Awang Murshid. (2014). *Sunan Nanggreo Sang Kembara*. Shah Alam: Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd.
- Ravinchandran Moorthy. (1995). *Bahasa Komuniti "Chitty Melaka"*. Satu Kajian Etnografi Komunikasi, Tesis Master, Universiti Malaya.
- Ravinchandran Moorthy. (1996). "Etnografi Komunikasi". *Dewan Bahasa*, 40(11): 1044-1049.
- Richards, Jack, John Platt, dan Heidi Weber. (1985). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Harlow, Essex, England: Longman.
- Sabri Che Man. (2004). *Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi*, Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.

- Saidatul Nornis Haji Mahali. (1997). *Sistem Sapaan Kekeluargaan Bajau: Suatu Penelitian Awal*. Kertas Kerja pada Seminar SKALI, Kajang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (1997). *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (1999). *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Puat Penataran Ilmu dan Bahasa.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (2005). Sistem Panggilan Kekerabatan Bahasa Bajau, Bahasa Iranun dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan Awal. Dlm Asmah Haji Omar, *Sama Serumpun* (hlm.109-123). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (2008). Interaksi Sosial dalam Isun-isun Bajau. *Akademika*, 74(4): 59-87.
- Saidatul Nornis Haji Mahali. (2011). Perbauran Budaya dan Agama dalam Adat Perkahwinan dan Kematian Bajau Kota Belud: Akomodasi dan Asimilasi antara Tradisi Suku-Suku Etnik di Sabah. Dlm Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring, *Pluraliti dalam Kearifan Lokal di Sabah* (hlm. 71-99). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sara, Delamont. (1992). *Fieldwork in Educational Settings: Methods, Pitfalls, & Perspectives*. PA: The Falmer Press.
- Schiffrin, Deborah. (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford: Basil Blackwell.
- S. Nathesan. (1995). Kata Ganti dan Sistem Panggilan serta Rujukan dalam Bahasa Tambanua. *Dewan Bahasa*, 39(2): 159-166.
- Spradley, J. P. (1997). *Metode Etnografi*. Terjemahan Misbah Zulfa Elizabeth. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Spradley, J. P. (1980). *Participant observation*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Sumalee Nimmanupap. (1994). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surjaman, Ukun. (1968). The Problem of Personal Pronouns in Bahasa Indonesia and The Presentation of the Words: Dia, and Ia. *Asian Studies*, 6(4): 90-98.
- Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi. *Jabatan Perangkaan Malaysia*, 2000.

- Teo Kok Seong. (2003). Kesantunan Berbahasa Kes Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 3(3): 14-23.
- Teo Kok Seong. (2012). Kejayaan Komunikasi Cina-Melayu: Kes Cina Peranakan Kelantan yang Mengamalkan Kesantunan Bahasa Melayu. Dlm Marlyna Maros et al. (Eds.), *Kesantunan Berbahasa* (hlm. 113-130). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tom Harrison. (1972). The Advent of Islam West and North Borneo. *JMBRAS*, 45(1): 12.
- Troike, Muriel Saville. (1982). *The Ethnography of Communication: An Introduction*. Oxford: Basil Blackwell.
- Troike, Muriel Saville. (1989). Communicative Competence. Dlm William Bright, (Ed.), *Oxford International Encyclopedia of Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Troike, Muriel Saville. (1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. Terjemahan Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trudgill, Peter. (1974). *Applied Sociolinguistics*. New York: Academic Press.
- Trudgill, Peter. (1983). *On Dialect Social and Geographical Perspectives*. Oxford: Basil Blackwell.
- Trudgill, Peter. (1991). *Sosiolinguistik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Welin Ebal. (2005). *Seluang Melaut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wikipedia. (2013). http://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad_Datu (diakses pada 30 Mei 2013)
- Zulkeflee Yaacob. (2009). *Bahasa Istana Kelantan dari Sudut Sosiolinguistik*, Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*, 12(12): 321-328.
- Zulkifley Hamid dan Naidatul Zamrizam Abu. (2013). Memupuk Perpaduan di Malaysia - Santun Bahasa dalam Kalangan Pelbagai Etnik Dari Aspek Penggunaan Kata Ganti Nama Diri. *GEOGRAFIA Online*, 9(4): 86-98.
- Zulkifley Hamid, Naidatul Zamrizam Abu dan Asyraf Zulkifley. (2015). Strategi Komunikasi dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(1): 171-186.

BIODATA PELAJAR

Noor Fadilah binti Dawi dilahirkan di Tawau, Sabah. Menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Telisai, Lahad Datu. Bersekolah menengah di S. M. K Agaseh, Lahad Datu pada tahun 1998 sehingga ke peringkat SPM pada tahun 2002. Pada tahun 2003-2004, menyambung pendidikan ke Tingkatan Enam di S. M. K Balung, Tawau. Kemudiannya berjaya menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Putra Malaysia dalam jurusan Bachelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu pada tahun 2005-2008 sebelum menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang Sastera Bahasa Melayu (2008-2010). Pada tahun 2011, sekali lagi melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia dalam ijazah kedoktoran Bahasa Melayu.



SENARAI PENERBITAN

Noor Fadilah Dawi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). 'Aku' dalam Konteks Kesantunan Masyarakat Lahad Datu. *Jurnal Bahasa*, 16(1): 153-180.

Noor Fadilah Dawi dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Penggunaan 'Aku' dalam Kalangan Keluarga Masyarakat Lahad Datu dari Sudut Etnografi . *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 3(1): 1-17.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGGUNAAN 'AKU' DALAM KALANGAN MASYARAKAT LAHAD DATU, SABAH, MALAYSIA

NAMA PELAJAR : NOOR FADILAH BINTI DAWI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
Penyeliaan)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa

Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]